



#### UPM Perkukuh Keusahawanan Siswa Dan Siswazah Melalui Seminar



Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Timbalan Menteri Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, Datuk Saifuddin Abdullah

**SHAH ALAM, 2 Mac** – Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkukuhkan program pembangunan keusahawanan dalam kalangan siswa dan siswazah melalui seminar 'Penyertaan Siswa/Siswazah dalam Kerjaya Keusahawanan' baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew ketika membacakan ucapan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata seminar tersebut menghimpunkan ahli akademik, penyelidik, pakar, usahawan, graduan, pelajar dan individu yang berminat dalam bidang keusahawanan.

"Perkongsian ilmu dan maklumat keusahawanan boleh dimanfaatkan sebagai platform utama memberi galakkan kepada individu menceburi bidang keusahawanan.

"Saya percaya, melalui pendidikan yang strategik dan berterusan, ilmu keusahawanan, kemahiran mengurus risiko dan pasaran serta ciri-ciri usahawan boleh dibentuk," katanya pada Seminar Kebangsaan Hasil Penyelidikan Pembangunan Keusahawanan di sini.

Beliau berkata pembangunan program bagi menyediakan bakal usahawan perlu dilakukan secara berterusan supaya para graduan mempunyai pengetahuan dan mengubah sikap lebih yakin untuk menghadapi realiti dunia pekerjaan.

UPM terlibat melalui pelbagai bengkel dan kursus dengan kerjasama agensi utama pembangunan keusahawanan seperti Institut Keusahawanan Negara, Majlis Amanah Rakyat dan Agro Bank serta Persatuan Usahawan Graduan Malaysia.

Dr. Tai Shzee Yew berkata UPM turut membentuk kerjasama menganjurkan kursus dengan akhbar Utusan Malaysia melalui ruangan Utusan Mega bagi menjangkau kumpulan sasaran yang lebih luas untuk memperkenalkan pelbagai bidang usaha keusahawanan kepada masyarakat umum.

Menurut beliau UPM telah melaksanakan peranan dan fungsi semua fakulti, institut, pusat dan bahagian bersesuaian dengan keperluan semasa.

"UPM telah menubuhkan Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC) yang berperanan sebagai penggerak dan penyelaras kerja-kerja berkaitan pengembangan, keusahawanan dan pemajuan profesional untuk UPM," katanya.



Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew menyampaikan ucapan beliau di Seminar Kebangsaan Hasil Penyelidikan Pembangunan Keusahawanan

Disediakan oleh Seksyen Media, bahagian Komunikasi Korporat UPM